



PERAK
Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“KEWAJIPAN BERDAKWAH TANGGUNGJAWAB UMMAH”

6 September 2024 / 2 Rabiulawwal 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadirat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: “KEWAJIPAN BERDAKWAH TANGGUNGJAWAB UMMAH”

Firman Allah SWT, ayat 33 surah *Fussilat*:

﴿وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾﴾

Bermaksud: Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah (mengesakan dan mematuhi perintah Nya) dan dia sendiri mengerjakan amalan soleh sambil berkata, “sesungguhnya aku adalah daripada orang Islam (yang berserah sepenuhnya kepada Allah)”.

Dakwah berasal dari perkataan *دَعَا* bermaksud kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan. Pendakwah yang digelar *da'ie* (الدَّاعِي) ialah orang yang menyampaikan dakwah. Dakwah dalam pengertian umum ialah usaha menyeru manusia agar beriman, mengesakan Allah SWT dan mentaati perintah Nya; serta menghayati seruan Rasulullah SAW, membebaskan manusia dari kesesatan agar menemui kebenaran; di samping membimbing manusia mengamalkan nilai-nilai murni.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Setelah Rasulullah SAW wafat, tugas berdakwah menyampaikan kebenaran Islam tidak pernah terhenti; disambung oleh para sahabat sehingga ke generasi berikutnya. Berdakwah adalah kewajipan yang ditugaskan kepada umatnya selaras dengan sabda Baginda SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً

Bermaksud: "Sampaikanlah dariku walau satu ayat".

Difahami daripada hadis tersebut, kewajipan berdakwah tidak hanya terletak pada organisasi dan badan-badan tertentu atau golongan agamawan semata-mata, tetapi kewajipan berdakwah perlu dilaksanakan oleh semua umat Islam. Allah SWT telah memuliakan umat Nabi Muhammad SAW dengan panggilan *khaira ummah* (sebaik-baik umat) apabila kerja-kerja berdakwah menyeru manusia kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dapat dilaksanakan, selaras dengan seruan yang terkandung dalam ayat 110 surah Ali Imran:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ...

Bermaksud: "Kamu (wahai umat Muhammad) ialah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk (faedah) umat manusia (kerana) kamu menyuruh melakukan segala perkara yang baik (makruf) dan kamu mencegah daripada melakukan segala perkara yang buruk dan keji (mungkar) serta kamu beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar beriman)..."

Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi

Sasaran dakwah atau dipanggil sebagai mad'u (الْمَدْعُو) terbahagi kepada dua:

Pertama: Dakwah kepada Muslim; iaitu menumpukan usaha mengukuhkan lagi pegangan akidah mereka serta mengajak mereka untuk mempertingkatkan amalan kebaikan, di samping tabah menghindarkan diri daripada melakukan kemungkaran.

Kedua: Dakwah kepada bukan Muslim; iaitu menumpukan usaha menerangkan kepada mereka akan kebenaran Islam – kebenaran al-Quran dan perutusan Rasulullah SAW, serta meyakinkan mereka bahawa kehidupan dunia hanyalah sementara untuk dihitung segala amalan di akhirat kelak.

Dakwah mesti dilaksanakan dengan kaedah yang betul, disusuli adab serta tidak mendatangkan fitnah kepada agama. Melalui firman Allah SWT yang terkandung dalam ayat 125 surah *an-Nahl*, dijelaskan tiga kaedah berdakwah;



﴿ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِّ لَهُم بِالتِّي هِيَ أَحْسَنُ...﴾

Bermaksud: "Serulah ke jalan Tuhan kamu (wahai Muhammad) dengan hikmah dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang kamu serukan itu) dengan cara yang lebih baik..."

Pertama: Dakwah secara berhikmah – iaitu dakwah yang ditunjangi ilmu yang benar, bersumberkan al-Quran dan hadis Rasulullah SAW; diserlahkan keindahan Islam dengan kaedah yang betul dan tepat. Memastikan pendekatan yang diambil serta kata-kata yang digunakan, sesuai dengan sasaran dakwah serta sesuai dengan keadaan. Namun berhikmah tidak bermakna bersifat mengalah dan beralah, kadangkala tertakluk kepada kesesuaian dan keadaan, sifat ketegasan turut diperlukan.

Kedua: Nasihat yang baik (*mau'izah hasanah*) – memastikan setiap tutur kata, ucapan dan huraian, digunakan dengan cara terbaik, disampaikan dari hati yang tulus ikhlas dan dizahirkan dengan akhlak yang murni agar perkara yang disampaikan boleh diterima dengan baik.

Ketiga: Berbahas dengan cara yang baik – Menyampaikan hujah dan pembuktian kebenaran al-Quran menggunakan prinsip keadilan, berhemah, berbahas secara matang, menumpukan isi perbincangan sehingga berupaya menyerlahkan kebenaran wahyu yang diutus kepada Baginda Rasulullah SAW.

Jemaah Rahimakumullah

Medan dakwah menyeru ummah melakukan perubahan lazimnya menempuhi pelbagai cabaran dan rintangan kerana perkara yang disampaikan oleh para pendakwah boleh menyebabkan timbul rasa tidak selesa pelbagai pihak yang tidak sedia untuk berubah. Dakwah Islamiah itu sifatnya menyanggah apa yang dihiasi indah oleh hawa nafsu dan apa yang dimanipulasikan benar oleh syaitan. Dakwah Islamiah itu berusaha membanteras amalan-amalan jahiliah berunsur khurafat dan menyeru pada pencegahan maksiat. Dipersendakan, diejek, dipulaukan atau dicerderakan merupakan sebahagian *mehnah* yang telah ditempuhi oleh para Rasul dan orang-orang beriman terdahulu dalam usaha menyampaikan kebenaran. Walau apa jua rintangan, para pendakwah hendaklah bersifat tabah, cekal dan yakin akan mendapat petunjuk dan perlindungan daripada Allah SWT.



Medan dakwah luas lapangannya. Walau di mana ummah berada, pameran akhlak yang baik, pelihara jati diri Muslim dan cerminkan keindahan Islam. Sikap dan sifat mulia serta watak dan tingkah laku murni seseorang Muslim itu ialah sebaik-baik dakwah kerana orang bukan Muslim akan mengenali Islam dan menghormati Islam melalui sikap dan sifat, serta watak dan tingkah laku yang diperlihatkan oleh seseorang Muslim.

Ummah jua disarankan memanfaatkan saluran media sosial untuk berdakwah dengan memuat naik kandungan-kandungan berbentuk nasihat dan ilmu yang mencerminkan keindahan dan kemurnian Islam. Kerja-kerja dakwah yang berupaya dimartabatkan, Insyaa-Allah akan dapat meningkatkan martabat umat Islam; di sebaliknya, jika kerja-kerja berdakwah diabaikan, akan membawa kepada pelbagai kesan buruk, antaranya perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan kemungkar akan bertambah berleluasa. Maksiat yang tidak dibendung akan menyebabkan umat Islam semakin jauh daripada cahaya Islam dan akhirnya menjadi lemah dan mundur sekalipun jumlahnya ramai.

Hadirin yang dimuliakan

Mimbar menyenaraikan peringatan-peringatan berikut:

Pertama: Berdakwah ialah tugas mulia, kesinambungan meneruskan tugas para Rasul.

Kedua: Setiap kita diwajibkan melaksanakan kerja-kerja dakwah mengikut keupayaan masing-masing bermula dengan diri sendiri, dalam kalangan ahli keluarga, melebarkan kepada rakan sekerja dan jiran tetangga.

Ketiga: Wajib memastikan kaedah dakwah yang diguna pakai bertepatan dengan anjuran syarak, tidak bergopoh gapah, berhikmah dan dikembarkan adab dan kesopanan, di samping memastikan kaedah dakwah tidak menimbulkan salah sangka dan fitnah kepada agama.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَاَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَاَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Hayyu! Ya Qayyum! Limpahi rahmat Mu agar kehidupan kami dipenuhi dengan tugas murni – melakukan kerja-kerja dakwah menyambung tugas Rasul Mu. Jadikan hati kami ikhlas kerana Mu ketika melakukan dakwah agar kebenaran Islam dapat disampaikan secara berhikmah. Kurniai kami kekuatan dan ketabahan untuk berdakwah sehingga ke akhir hayat kami.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulki!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ.